

AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN TINGGI: SATU PENDEKATAN BAHARU DI WAZAN, UPM

Zakat Distribution of Higher Education: A New Approach at WAZAN, UPM

Razali Bin Othman^{1*}

¹ Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), 43400 UPM Serdang, Selangor

*Corresponding author (Email: razaliupm@upm.edu.my)

Diterima: 19 August 2019, Diproses: 2 September 2019, Diterbitkan: 18 September 2019

Abstrak: Pengurusan dana zakat terdiri daripada dua kategori utama. Pertama, pengurusan kutipan dana zakat. Kedua, pengurusan agihan dana zakat. Kedua-duanya mempunyai hubungan yang saling berkait rapat. Ketidakecapan dalam pengurusan agihan dana zakat misalnya akan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pembayar zakat. Rasa tidak puas hati ini pula akan membawa kepada kobocoran hasil kutipan dana zakat. Implikasinya akan membawa kepada pengurangan dalam kutipan dana zakat, khususnya di kaunter zakat formal. Begitu juga sebaliknya. Berlatarbelakangkan persoalan tersebut, kertas kerja berbentuk kajian awal di Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) ini dikemukakan untuk mencapai tiga tujuan. Pertama, mengenal pasti pendekatan pengurusan agihan dana zakat di WAZAN. Kedua, menganalisis agihan manfaat dana zakat di WAZAN. Ketiga, mencadangkan pendekatan agihan dana zakat kepada institusi-institusi zakat di Malaysia. Data yang digunakan pula diperolehi daripada temu bual dan maklumat dalaman WAZAN. Data ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan serta teks tual. Dapatan kajian memberikan satu lagi pendekatan baharu terhadap agihan dana zakat yang berdaya maju di institusi-institusi zakat formal, khususnya di Majlis-majlis Agama Islam Negeri di Malaysia.

Kata Kunci: Zakat, Kutipan Dana Zakat, Agihan Dana Zakat, Transformasi Agihan Dana Zakat

Abstract: Zakat fund management comprise of two main categories, namely the management of zakat fund collection and the management of zakat fund distribution. Both are closely interconnected. The inefficiency of zakat fund management will for example cause dissatisfaction amongst zakat contributors. This dissatisfaction may result in a leak to the collection of zakat fund, hence less fund collection particularly the collection via official zakat counters or vice versa. It is concern over such matter that this exploratory study is conducted at Centre for Waqf, Zakat and Endowment (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) aimed at putting forth three outcomes. Firstly, to identify the approach employed by WAZAN in managing the distribution of zakat fund. Secondly, to analyse the distribution of zakat fund benefits at WAZAN. Finally, to propose a new approach to zakat fund distribution to zakat institutions in Malaysia. Interviews and internal

information from WAZAN were utilised to gather data for this study. The data is then analysed using content analysis and textual. Findings from this study should give a new and more sustainable in the approach taken by zakat institution, particularly Majlis-majlis Agama Islam Negeri di Malaysia in collection and distribution of zakat funds.

Keywords: *Zakat, Collection of Zakat Fund, Distribution of Zakat Fund, Transformation of Zakat Fund Distribution.*

PENDAHULUAN

Keupayaan paling asas untuk pembangunan manusia ialah mendapat hidup yang sihat, pendidikan yang sempurna dan berupaya menyertai kehidupan yang baik dalam masyarakat. Kegagalan memperolehi keupayaan asas ini akan menjerumuskan seseorang itu dalam pelbagai masalah sosial seperti tidak cukup makan, mencuri, berhutang dan hidup dalam kemalangan. Dalam hal ini, sepanjang lebih 1400 tahun institusi zakat telah memainkan peranan yang penting sebagai sumber pembiayaan dalam menyediakan kemudahan asas kepada umatnya. Dengan kata lain, institusi zakat berperanan sebagai Institusi Jaminan Sosial selaras dengan anjuran al-Qur'an yang meletakkan prinsip *al'adl wal ihsan*. Peranan ini hanya akan dapat dicapai sekiranya institusi zakat formal, iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang bertanggungjawab dalam mentadbir zakat dapat menguruskan dana kutipan dan agihan dengan cekap.

Namun begitu, penelitian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini mendapati bahawa institusi zakat masih belum mampu memberikan keyakinan serta mengketengahkan kewibawaannya dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat. Hal ini dibuktikan oleh Nurul Athirah Mohd Azmi, et al. (2014) yang antara lain menegaskan bahawa jumlah dana kutipan zakat melebihi dana kutipan dan lebihan dana yang disimpan oleh institusi zakat setiap tahun. Ini sering menimbulkan isu yang kontroversi dalam kalangan masyarakat. Dalam hal yang sama, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005) dengan menggunakan model regrasi logistik merumuskan bahawa semakin puas hati individu terhadap pengurusan zakat, maka semakin tinggi kepatuhan untuk mereka membayar zakat di pusat zakat.

Dalam penelitian yang lain, Hairunnizam Wahid et, al. (2008) dan May Sapura Mohd Shazilli et, al (2012) bukan sahaja mengesahkan dapatan di atas, tetapi juga turut merumuskan bahawa ramai pembayar zakat tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat. Rasa tidak puas hati ini menyebabkan pembayar zakat membayar zakat secara terus kepada asnaf zakat. May Sapura Shazilli et, al (2012) pula menyentuh pengurusan aplikasi permohonan yang didakwanya tidak teratur dan birokrasi yang terlalu tinggi menimbulkan masalah dalam agihan dana zakat kepada asnaf berkaitan. Tambahnya lagi, kekurangan staf yang mahir dan sikap dalam menjaga "harga diri" membawa kepada kekurangan dalam kutipan agihan dana zakat. Penyelidik-penyelidik lain seperti seperti Ahmad Fathi Ibrahim et, al (2017), Ahmad Fahme Mohd Ali et, al (2017), Teh Suhaila Tajuddin (2016), Hafizah Zainal et, al. (2016) dan Azman Ab Rahman et, al (2012) membuat penelitian yang sama dan turut menegaskan bahawa pengagihan dana zakat yang baik akan memberi impak positif kepada pembayar zakat.

Berdasarkan persoalan di atas, maka tujuan utama kertas kerja ini ialah untuk meneliti pendekatan agihan dana zakat, dan kesannya terhadap peningkatan jumlah kutipan serta bilangan pembayar zakat di WAZAN, UPM. Seterusnya, memberikan saranan kepada MAIN sebagai institusi formal zakat di Malaysia untuk mengaplikasikan pendekatan baharu terhadap agihan dana zakat pendidikan tinggi di negeri masing-masing.

PUSAT PENGURUSAN WAKAF, ZAKAT DAN ENDOWMEN (WAZAN), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen, UPM (WAZAN) secara rasminya telah ditubuhkan pada 1hb Oktober 2016. Pengurusan WAZAN diletakkan terus di bawah Pejabat Naib Canselor, UPM dengan visi untuk menjadi pusat kecemerlangan pengurusan wakaf, zakat dan endowmen yang unggul serta bereputasi antarabangsa. Visi ini pula disokong oleh misi WAZAN yang jelas, iaitu untuk menyediakan perkhidmatan kepada seluruh masyarakat dengan penuh integriti dan profesional dalam pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen. Ringkasnya, penubuhan WAZAN adalah sangat signifikan dalam memperkasakan potensi dan momentum yang berterusan keseluruhan aktiviti pendanaan yang berasaskan sumbangan kedermawanan. Ini amat diperlukan bagi meletakkan transformasi tadbir urus kedermawanan UPM pada landasan yang tepat. Penubuhan WAZAN juga adalah selari sebagaimana yang dihasratkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam Buku Ungu Pelan Transformasi Pendidikan Tinggi bagi menjana pendapatan universiti yang mampan dan lestari.

WAZAN telah diberikan status sebagai Penolong Amil oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi membolehkannya mengutip dan mengagihkan dana zakat dalam kalangan warga UPM. Berdasarkan perjanjian yang dipersetujui bersama, Pihak LZS akan mengembalikan sebanyak 43.75% bagi setiap ringgit yang dikutip oleh WAZAN untuk diagihkan semula kepada lima golongan asnaf di UPM, iaitu fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan ibnu sabil. Sementara 6.25% lagi akan diserahkan kepada WAZAN sebagai upah Penolong Amil untuk menguruskan hal ehwal berkaitan kutipan dan agihan dana zakat di UPM.

Bagi memastikan pengurusan dana zakat dapat dibuat dengan efisien, Hala Tuju WAZAN 2016-2025 atau lebih dikenali dengan WARM'25 telah dibangunkan seperti di Rajah 1. Antara lain, WARM'25 ini berhasrat untuk menjadikan WAZAN sebagai "*The Little Harvard*" dan *The Little al-Azhar*" menjelang tahun 2025. Dalam mencapai hasrat ini, empat fasa perlu dilalui oleh WAZAN, iaitu fasa penubuhan (2016), fasa pertumbuhan (2019), fasa pengukuhan (2022) dan seterusnya fasa kecemerlangan pada tahun 2025. Lima teras stretegik termasuk pembangunan insan, kualiti penyampaian perkhidmatan, pemasaran perhubungan, kualiti infrastruktur dan tugas yang dilakukan dengan mudah dan tepat menjadi alat pengukur kepada pencapaian empat fasa di atas. Kelima-lima teras strategik ini pula dipandu oleh empat nilai yang bersifat "tauhidi", iaitu kecemerlangan, kepelbagaian, kelangsungan dan integriti. Lima strategi dan empat nilai yang dijelaskan sebelum ini, dibangunkan berdasarkan tiga objektif utama penubuhan WAZAN. Pertama, mendidik dan menyemai budaya menyumbang dalam kalangan warga UPM dan masyarakat setempat. Kedua, mewujudkan dan mempromosi nilai keseronokan menyumbang

menerusi program-program yang dijalankan. Ketiga, memperkukuhkan kelangsungan sumber kewangan UPM.

Rajah 1: Hala Tuju WAZAN 2016-2025



Sumber: WAZAN (2019)

Bagi mengukuhkan lagi WARM'25 ini, pendekatan komunikasi pemasaran bersepadu telah dibangunkan. Menerusi model ini, semua mesej berkaitan dana zakat di WAZAN akan disalurkan melalui enam alat komunikasi pemasaran iaitu pengiklanan, promosi jualan/perkhidmatan, acara, perhubungan awam, jualan persendirian dan pemasaran langsung. Mesej yang disampaikan secara konsisten menerusi enam alat komunikasi pemasaran di atas dibuat dengan matlamat untuk membina serta mengukuhkan lagi posisi strategi berkaitan zakat di UPM. Tag perkataan *wazandihati* menjadi terma dalam mempromosikan WAZAN kepada masyarakat. Pendekatan Segitiga Pemasaran Perkhidmatan WAZAN dan *Eight Petals of Service Flower* turut diaplikasikan sesuai dengan peranan WAZAN sebagai institusi penyampaian perkhidmatan di UPM.

PENDEKATAN AGIHAN DANA ZAKAT DI WAZAN, UPM


Secara umumnya, terdapat dua bentuk agihan dana zakat di UPM. Pertama, agihan secara langsung. Kedua, Agihan Tidak Secara Langsung.

AGIHAN SECARA LANGSUNG

Agihan dana zakat secara langsung ialah agihan yang dibuat dalam bentuk bantuan wang ringgit, peralatan atau kemudahan yang diberikan terus kepada penerima. Terdapat 15 bentuk agihan dana zakat yang disediakan kepada lima golongan asnaf di atas, iaitu seperti bantuan sara diri, yuran pengajian, kecemasan, sewa rumah, kursus/latihan, keperluan pendidikan dan bantuan perubatan. Agihan Dana Zakat Pendidikan Tinggi UPM ini tidak mengambilkira tempat kelahiran (negeri) pelajar. Dengan kata lain, semua pelajar yang berdaftar UPM adalah layak untuk memohon dan dipertimbangkan untuk menerima mana-mana bentuk bantuan agihan zakat yang disebutkan di atas.

Sejumlah RM9,479,128.47 telah diagihkan kepada 25,000 orang warga UPM sebagai penerima manfaat dana zakat sepanjang tahun 2015 – 2018. Jumlah agihan dana zakat ini dilihat meningkat secara purata sebanyak antara 8% ke 13% setiap tahun. Sementara jumlah sebenar penerima manfaat melebihi 25,000 sekiranya agihan dalam bentuk program serta aktiviti diambilkira dalam pengiraan ini. Sebagai contoh, seramai 500 orang menerima manfaat dalam program Balik Kampung Bersama WAZAN 2019. Agihan dana zakat mengikut golongan asnaf pelajar dapat dilihat dalam Graf I di atas. Bagi tempoh tiga tahun berkenaan, sebanyak RM1,924,873 telah diagihkan kepada para pelajar di bawah asnaf fakir, RM3,086,668.68 pelajar miskin dan RM2,537,460.12 kepada pelajar fisabilillah. Ini bermakna sebanyak RM5,011,541.68 telah disalurkan terus kepada pelajar fakir dan miskin. Sementara RM2,662,4490.12 lagi diagihkan kepada pelajar dalam kalangan asnaf fisabilillah, muallaf dan ibnu sabil. Secara keseluruhannya penerima manfaat tertinggi adalah daripada golongan pelajar fakir dan miskin.

Graf I: Agihan Dana Zakat Mengikut Pelajar Asnaf di UPM Bagi Tahun 2016-2018



Sumber: WAZAN (2019)

AGIHAN TIDAK SECARA LANGSUNG

Agihan dana zakat secara tidak langsung pula ialah agihan yang diberikan mengikut program dan aktiviti pelajar. Agihan ini dibuat dengan matlamat utamanya untuk membangunkan sahsiah dan pencapaian akademik pelajar, khususnya selepas mereka bergraduasi nanti. Agihan utama dana zakat secara tidak langsung ini, termasuklah:

Program Ziarah Ihsan Ramadan

Program Ziarah Ihsan Ramadan dibuat pada setiap bulan Ramadan dengan manyasarkan 150 orang pelajar asnaf UPM (fakir dan miskin) yang berada di seluruh negara. Di dalam program ini, pihak WAZAN akan membuat ziarah terus ke rumah keluarga pelajar-pelajar asnaf terpilih dengan tiga tujuan. Pertama, membuat ziarah dan tinjauan bagi memastikan maklumat yang pelajar berikan semasa permohonan zakat di WAZAN adalah betul. Kedua, menentukan bantuan semula

berdasarkan ziarah dan tinjauan sebenar rumah pelajar. Ketiga, membantu menambahbaik rumah-rumah keluarga pelajar asnaf yang daif. Setiap pelajar dan keluarga pelajar asnaf akan diberikan bantuan Ramadan sebanyak RM1500.00, dan bantuan barangan keperluan harian seperti beras, gula dan kopi.

Program Melahirkan Asnaf Kelas Pertama

Program Melahirkan Asnaf Kelas Pertama ini dibuat dengan menyasarkan para pelajar asnaf yang memperolehi Purata Mata Markah Keseluruhan (PMK) 3.5 dan ke atas. Pelajar asnaf yang terpilih akan diwajibkan mengikuti program khusus yang dibuat secara tersusun, berkala dan berasaskan semester. Model *Neuro-Linguistic Programming* (NLP) dengan menggunakan pendekatan “coaching” diaplikasikan bagi mendorong dan memotivasi pelajar untuk mendapat PMK yang baik, dan seterusnya bergraduasi dengan Kelas Pertama.

Program Mobiliti Asnaf

Program Mobiliti Asnaf ialah program yang dibuat bagi membantu para pelajar asnaf mengikuti program pengajian (mobiliti) di luar negara. Menerusi program ini, para pelajar bukan sahaja mendapat pendedahan terus di luar negara berkaitan bidang pengajian mereka, tetapi juga dapat mempraktikkan pengurusan terbaik seperti yang dipraktik oleh industri yang sama di luar negara. Sebagai contoh, seramai lima orang pelajar asnaf UPM telah diberi bantuan dana zakat mobiliti untuk mengikuti program pengajian pertanian selama dua minggu di sebuah ladang pertanian terbaik di negara Jepun.

Program Persijilan Profesional Asnaf

Bagi meningkatkan peluang para pelajar UPM mendapat pekerjaan dan mencapai status *Industry Ready*, khususnya selepas mereka bergraduasi, WAZAN telah menyediakan program Persijilan Profesional Asnaf. Antara lain, program ini disediakan bagi membantu para pelajar asnaf untuk mengikuti kursus-kursus profesional yang diperlukan di Industri selain daripada kursus wajib yang mereka ambil di Fakulti masing-masing. Sebagai contoh, seramai 15 orang pelajar Fakulti Sains Teknologi dan Makanan (FSTM) telah menerima bantuan dana zakat untuk mengikuti program Persijilan MS 1514:2009, GMP Internal Auditing MS 1480:2007, HACCP Internal Auditing dan MS 1500:2009 Halal Internal Auditing. Dengan kata lain, WAZAN menyediakan program ini sebelum mereka bergraduasi lagi.

Program Pemantapan Sahsiah Dan Kemimpinan Asnaf

Program pemantapan sahsiah dan kepimpinan asnaf dibuat dengan matlamat untuk membentuk akhlak yang baik dan melahirkan pelajar yang berjiwa pemimpin dalam kalangan pelajar asnaf. Pelajar-pelajar terpilih dalam kalangan mereka yang memperolehi PMK 3.0 ke atas akan dilatih dan didedahkan dalam pelbagai aspek kemahiran hidup dan kepimpinan.


IMPLIKASI AGIHAN DANA ZAKAT TERHADAP PENINGKATAN JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN DAN BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT

Agihan dana zakat yang efisien dan menyeluruh dilihat telah menampakkan tiga kesan positif terhadap jumlah kutipan dana zakat keseluruhan, bilangan pembayar zakat keseluruhan dan pencapaian penerima zakat dalam kalangan pelajar asnaf di UPM.

Kutipan Dana Zakat Keseluruhan 2015-2018


Terdapat dua bentuk medium kutipan dana zakat di WAZAN. Pertama, kutipan menerusi medium kaunter dan kedua menerusi medium Skim Potongan Gaji Bulanan. Sepanjang penubuhan WAZAN, kutipan dana zakat menerusi kedua-dua medium di atas telah menunjukkan peningkatan yang ketara seperti yang dapat dilihat dalam Graf II.

Graf II: Kutipan Dana Zakat di UPM Bagi Tahun 2015-2018



Sumber: WAZAN (2019)

Graf III: Prestasi Kutipan Di Kaunter WAZAN Bagi Tahun 2015-2018



Sumber: WAZAN (2019)

Rajah II di atas jelas menunjukkan peningkatan kutipan dana zakat. Bermula daripada RM5,634,558.79 (sebelum penubuhan WAZAN) pada tahun 2015 kepada RM5,734,783.05 pada tahun 2016. Kutipan ini terus meningkat kepada RM6,440,883.21 pada tahun 2017, dan seterusnya kepada RM6,968,721.05 pada tahun 2018. Menariknya, kutipan dana zakat menerusi medium kaunter WAZAN berjaya dikutip melebihi RM1 juta (hanya sebulan sahaja) selepas dua tahun penubuhan WAZAN, iaitu pada tahun 2018 seperti yang dapat dilihat di Graf III di atas. Jumlah kutipan dana zakat di Kaunter WAZAN telah meningkat kepada RM1,128,288.78 berbanding hanya RM894,835.22 pada tahun 2017.

Bilangan Pembayar Zakat Keseluruhan 2016-2018

Penelitian ini mendapati bahawa peningkatan pembayar zakat lebih banyak berlaku di medium kaunter berbanding dengan medium Skim Potongan Gaji. Peningkatan ini adalah munasabah dengan mengambilkira pesaraan warga UPM, khususnya yang menunaikan zakat menerusi medium potongan gaji. Secara purata, antara 150 orang ke 200 orang warga UPM menamatkan perkhidmatan mereka di UPM setiap tahun. Sementara terdapat pelbagai jabatan kerajaan seperti Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Latihan Pertanian (ILP), Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) dan kariah Serdang yang menyumbang kepada peningkatan di medium kaunter WAZAN. Namun begitu, secara keseluruhannya, bilangan pembayar zakat bagi kedua-dua medium di atas juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Pada tahun 2016 misalnya, seramai 2602 orang pembayar zakat telah menunaikan tanggungjawab mereka di WAZAN. Angka ini telah meningkat kepada 2828 orang pembayar zakat pada tahun 2017, dan terus meningkat kepada 3752 orang pada tahun 2018

Implikasi Kepada Penerima Zakat

Selain peningkatan dalam jumlah kutipan dana zakat dan pembayar zakat di UPM setiap tahun, pendekatan agihan dana zakat di WAZAN yang bersifat terancang dan tersusun ini telah memberi kesan yang jelas terhadap penerima agihan dana zakat di UPM sendiri. Bilangan penerima telah meningkat daripada 3659 orang pada tahun 2015 kepada 5500 orang pada tahun 2018. Bilangan ini akan mencapai lebih 6000 orang sekiranya agihan kepada staf UPM juga diambilkira. Implikasi yang ketara juga dapat dilihat daripada kejayaan program-program di bawah agihan secara tidak langsung. Seramai sembilan orang pelajar asnaf telah bergraduasi dengan Kelas Pertama di bawah program “Melahirkan Asnaf Kelas Pertama”. Di bawah program “Ziarah Ihsan Ramadan” pula, seramai 11 orang pelajar asnaf diberikan bantuan tambahan dan lima buah rumah keluarga mereka yang daif akan diperbaiki oleh pihak WAZAN. Sementara program-program yang lain seperti program “Kursus Profesional Asnaf”, “Mobiliti Pelajar” dan “Pemantapan Sahsiah dan Kemimpinan Asnaf” dijangka akan menampakkan impaknya selepas pelajar bergraduasi daripada UPM.

SARANAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan pengalaman WAZAN menguruskan agihan dana zakat secara teratur dan tersusun seperti yang dibahaskan di atas, jelas telah membawa kepada peningkatan kepercayaan warga UPM. Tahap kepercayaan masyarakat ini dijelmakan menerusi kecenderungan mereka untuk menunaikan zakat samada melalui Skim Potongan Gaji Bulanan atau di Kaunter WAZAN. Kutipan di kedua-dua medium ini telah meningkat dengan ketara. Malah, selepas dua tahun penubuhannya, kaunter WAZAN berjaya mengutip dana zakat melebihi RM1 juta pada bulan Disember 2018. Bilangan pembayar zakat di kedua-dua medium kutipan WAZAN juga telah meningkat walaupun dikekang dengan palbagai cabaran. Sementara itu, agihan dana zakat ini juga jelas memberi manfaat yang sangat besar kepada warga UPM, termasuk pelajar daripada luar negara. Sepanjang tiga tahun penubuhannya, sebanyak RM9,479,128.47 dana zakat telah diagihkan kepada lebih 25,000 orang penerima dalam kategori fakir, miskin, fisabilillah, mualaf dan ibnu sabil. Pelbagai program telah dibangunkan di bawah agihan secara tidak langsung yang memberi manfaat kepada pembentukan sahsiah, kepimpinan serta akademik kepada para pelajar di UPM. Malah, sembilan orang pelajar asnaf berjaya bergraduasi dengan Kelas Pertama menerusi program “Melahirkan Asnaf kelas Pertama”. Program-program lain seperti yang dibahaskan di atas dijangka memberi nilai tambah kepada para pelajar apabila mereka bergraduasi nanti.

Program-program yang dibincangkan di atas tidak lagi mengambilkira program lain yang dijalankan oleh WAZAN seperti program “Balik Raya Bersama WAZAN” yang melibatkan 450 orang pelajar balik beraya secara percuma dengan disediakan sembilan buah bas, program “Kelas Mengaji al-Bagdadi” yang melibatkan 200 orang staf UPM, program “Tetamu Ramadan” yang melibatkan hampir 1000 staf UPM dan program “Usahawan Asnaf WAZAN” yang turut melibatkan pelajar dan staf UPM. Berdasarkan kejayaan WAZAN dalam mengurus agihan dana zakat pendidikan tinggi, maka disarankan agar MAIN memberi tauliah sebagai Penolong Amil di semua institusi pengajian tinggi samada awam (IPTA) atau swasta (IPTS) di negeri masing-masing. Tauliah ini membolehkan IPTA dan IPTS menjalankan urusan memungut dan mengagihkan dana zakat dalam kalangan warga mereka. Kepakaran dan kemahiran yang sediada di IPTA dan IPTS memberi ruang kepada mereka untuk mewujudkan tadbir urus zakat dengan efektif dan efisien. Dana zakat yang dikutip bukan sahaja boleh diagihkan kepada para pelajar dalam pelbagai bentuk aktiviti serta program, tetapi dalam waktu yang sama dapat menyediakan mereka untuk lebih bersedia menjadi pemimpin negara. Pelajar asnaf yang bergraduasi dengan cemerlang dan mendapat perkerjaan akan memendekkan putaran kemiskinan keluarga. Dengan kata lain, mereka yang berkerja mampu untuk membantu mengurangkan bebanan kemiskinan keluarga mereka. Saranan di atas adalah bertepatan dengan dapatan hasil penelitian Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman (2016), Teh Suhaila et, al. (2016) dan Ahmad Fahme Mohd Ali et, al. (2015).

RUJUKAN

- Ahmad Fahme Mohd Ali, Zakariah Abd. Rashid, Fuadah Johari & Muhammad Ridhwan Ab Aziz. (2017). The Effectiveness of Zakat in Reducing Poverty Incident: An Analysis in Kelantan, Malaysia. *Asian Social Science*; 11(21), 355-367. DOI: 10.5539/ass.v11n21p355
- Ahmad Fathi Aminuddin, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor. (2017). Kecekapan Pengurusan Kewangan Dan Pengurusan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Majlis Agama Islam Johor, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 4(3). 52-66. DOI: 10.11113/umran2017.4n3.163
- Azman Ab Rahman, Mohammad Haji Alias & Syed Mohd Najib Syed Omar. (2012). Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issue. *GJAT Journal*. 2(1). 35-41
- Azman Ab Rahman & Siti Martiah Anwar. (2014). Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia: Peranan dan Cabarannya Pada Masa Kini. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. 23-32
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Radiah Abdul Kader (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?. *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- May Sapura binti Mohd Shazilli, Nur Izzati Sa'adon, Rosmaiza Ibrahim, Memiyanti Abdul Rahim and Abdul Rauf Ambali. (2018). Good Governance in Zakat Distribution: Perceptions of Zakat Recipients at Kota Tinggi, Johor. *Conference: 2012 IEEE Symposium on Business, Engineering and Industrial Applications*. 1-6. DOI. 10.1109/ISBEIA.2012.6422963
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (1998). Zakat management and administration in Malaysia. *Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*
- Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman. (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari'ah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10. 129-140
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Mohd Nor. (2003). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Kakitangan Profesional: Kajian Kes di UKM. Dalam Zulkefly Abd Karim et. Al (penyt). *Prosiding Seminar Kebangsaan Dasar Awam dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.
- Noraini Shamsuddin, Aza Shahnaz Azman & Teh Suhaila Tajuddin. (2016). Kajian Kualiti Hidup Asnaf Di Selangor: Pengaruh Faktor Keberkesanan Prosedur Permohonan Dan Penyerahan Bantuan. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking*, 373-380
- Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN). *Universiti Putra Malaysia (UPM)*. (2019)
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2005a). Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap Sumber Zakat Harta yang Diikhtilaf, 27(1), 45-65.
- Sanep Ahmad & Harunnizaam Wahid. (2005b). Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39, 53-69
- Shofian Ahmad & Amir Husin Mohd. Nor. (2002). *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman & Noraini Shamsuddin. (2016). Impak Agihan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf di Selangor. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economic & Banking*. 226-237